

25 OCT 2003

Hishammuddin-Barat

PEMUDA UMNO TETAP PERTAHANKAN KRITIKAN DR MAHATHIR TERHADAP DUNIA BARAT

DUNGUN, 25 Okt (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan terus memperjuang dan mempertahankan kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai dunia Barat kerana kritikan serta pendirian yang disuarakannya itu sememangnya mempunyai asas dan fakta yang kukuh.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata tidak mungkin Dr Mahathir mampu dan berani menyuarakan kebimbangan melalui kenyataan-kenyataannya itu, jika setiap kritikan tersebut tidak berasas.

"Kita akan tetap berada di belakang pemimpin-pemimpin kita," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas tindakan media Barat yang terus melabelkan Dr Mahathir sebagai anti-Yahudi ekoran ucapannya pada sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) minggu lepas, yang antara lain menyatakan bahawa Yahudi memerintah dunia secara proksi dan menggunakan orang lain untuk membunuh bagi pihak mereka.

"Inilah kelebihan yang ada pada Dr Mahathir kerana sebahagian daripada kekuatannya datang daripada kita, rakyat di peringkat akar umbi yang telah memberikan keyakinan kepada beliau menyuarakan ketidakadilan dan penindasan yang berlaku di dunia pada hari ini," katanya.

Terdahulu, Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan merasmikan pelancaran Kempen Perangi Dadah Habis-Habisan Peringkat Belia Kebangsaan dan Penubuhan Sekretariat Rakan Muda Sektor Kemajuan Tanah di Ketengah Jaya, dekat sini semalam.

Mengenai hasutan kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat agar pelabur dan pelancong tidak ke Malaysia, Hishammuddin percaya tindakan itu hanya bertujuan menakut-nakutkan rakyat negara ini.

"Mereka berbuat demikian kerana bimbang dengan kritikan pemimpin-pemimpin kita, kerana ia merupakan fakta yang sebenar. Saya percaya dengan semangat negara kita yang merdeka, dengan adanya pemimpin-pemimpin kita sekarang, hak negara dapat kita pertahankan. Malah, duta Amerika, (Marie T Huhtala) juga menganggap perkara ini keterlaluan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pihaknya akan sentiasa bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah di kalangan para belia.

Katanya dengan kerjasama itu, pelbagai aktiviti dapat dirangka bagi menarik lebih ramai golongan belia menyertainya.

"Antaranya adalah dengan penubuhan sekretariat Rakan Muda di Tanah Rancangan Felda. Saya percaya dengan kerjasama Felda dan kementerian, ia boleh menjadi platform kepada anak-anak muda Felda menjalankan pelbagai aktiviti yang dapat memenuhi kehendak mereka," katanya.

-- BERNAMA

ERE AZH